

Mahkamah tentukan kehadiran PM hari ini

UM 18 FEB 2000

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Mahkamah Tinggi di sini hari ini menengguhkan esok keputusan sama ada relevan bagi pihak pembela untuk memanggil Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, sebagai saksi pada perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Hakim Datuk Ariffin Jaka berkata, beliau akan memutuskan berhubung isu bantahan awal oleh Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail, yang menggugurkan peruntukan di bawah Seksyen 136(1) Akta Keterangan 1950.

Seksyen itu menyebut, apabila salah satu pihak bercadang hendak memberi keterangan mengenai sesuatu fakta, mahkamah bolehlah bertanya kepada pihak yang bercadang itu bagaimana fakta yang dikatakan itu akan menjadi relevan dan mahkamah hendaklah menerima keterangan itu jika dibuktikan ia relevan.

Karpal Singh selaku peguam bela Anwar dan juga berhujah bagi pihak Sukma mempersoalkan bantahan tersebut dengan alasan bahawa pendakwa raya tidak ada locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk mewakili Dr. Mahathir secara peribadi.

Beliau berkata, pihaknya ingin memanggil Dr.

Mahathir bukan dengan kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Penghujahan itu dibentang selepas saksi pembela ke-15, bekas juruiring Anwar, Deputy Supritendan Polis Zul Aznam Haron selesai memberi keterangannya.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Azahar Mohamad, menyoal, balas saksi tersebut dan tidak meneruskan cadangan untuk mencabar kesahihan keterangannya.

Berhujah

Azahar memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihak pendakwa akan berhujah kemudian bagi mempersoalkan keterangan Zul Aznam.

Pada sesi sidang sebelah petang, sebelum mahkamah mendengar hujah bantahan, peguam bela Sukma, Gobind Singh Deo terdahulunya memaklumkan bahawa saksi pembela seterusnya adalah Dr. Mahathir dan sapina sudah pun dikeluarkan.

Karpal pula memaklumkan bahawa Anwar sebagai tertuduh pertama pada perbicaraan tersebut baru sahaja mengemukakan permohonan kira-kira pukul 2.10 petang ini untuk mendapatkan sapina memanggil Perdana Menteri.

Dalam hujahnya, Karpal menyatakan bahawa Dr. Mahathir seharusnya melantik seorang peguam

untuk mewakili dirinya jika ingin mengetepikan sapina dan bukan pendakwa yang bertindak bagi pihaknya.

Gani berhujah balas bahawa beliau bukanlah mewakili Dr. Mahathir tetapi melaksanakan tugasnya sebagai pendakwa untuk membantah apakah relevan dengan Sukma hendak memanggil saksi berkenaan.

Gani berkata, mahkamah mempunyai bidang kuasa berdasarkan di bawah Seksyen 136 Akta Keterangan.

Beliau berhujah, tidak ada gunanya membenarkan saksi memberi keterangan yang tidak relevan dan selepas itu digugurkan keterangannya daripada rekod mahkamah.

Gani juga berkata, mahkamah berkewajipan untuk memastikan dengan segera sama ada keterangan itu relevan atau tidak dan membuat keputusan.

Anwar, 53, dan Sukma 39, menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, yang pernah menjadi pemandu peribadi isteri Anwar, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Sukma juga dituduh bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan. Kejadian itu berlaku pada satu malam di antara Januari hingga Mac 1993, pukul 7.45, di apartmen Sukma, No. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini.